



Tarikh: 31/08/2001 bersamaan 12 Jamadilakhir 1422

• Keluaran Jumaat •

Bil: 11

Dari Meja TNC (HEP)



Y. Bhg. Dato' Profesor Dr. Hashim Yaacob

ANAKANDA SUDAH MERDEKA?

Ayahanda percaya, anakanda telah mendengar banyak perkara yang mengecewakan telah dilakukan oleh sejumlah mahasiswa di negara kita. Ayahanda nasihatkan anakanda agar menjauhkan diri daripada tindakan-tindakan seperti itu. Merdekaan diri daripada sebarang tindakan yang merugikan agar anakanda dipandang mulia oleh masyarakat. Libatkanlah diri dengan aktiviti berfaedah yang banyak tersedia di kampus kita.

Ayahanda berharap agar kita sama-sama menaikkan nama baik universiti ini dengan perkara yang boleh dibanggakan. Ingatlah bahawa mahasiswa yang masih terlibat dengan aktiviti yang tidak bermanfaat adalah mereka yang masih belum merdeka dan fikiran mereka masih terjajah.

Luka di Jari Kaki

Kalau luka jari kakimu
tersepak batu, anakku
kulitmu berlumur
darah menyembur,
bangun kau anakku
jangan kau gentar pada batu.
Dengan tanganmu
baling seterumu sejauh mau.

Jangan kau biar bisa di kaki
menular meracun hati.

Batu semacam itu akan terus ada
menyekat jalan di mana-mana.
Kau harus waspada
mengorak langkah setiap masa.

Lihatlah anak, pada jari kakiku
yang sering terlanggar batu.
Lukanya sudah lama berlalu
parutnya masih di situ.
Bagiku anak, luka tidak lagi bisa.
Alah batu kerana biasa.

Kalau bila tikanya tiba
bisa di kakimu mencengkam jiwa,
datanglah kau pada air mata mama.

Air matanya Air Manik Astagina
pengubat bisa lara.
Datanglah kau pada doa bapa.
Doanya Pedang Puspa Jentaka Wira
pelebur batu durhaka.

*** Hashim Yaacob

31 Ogos 2001



"Selamat Menyambut Hari Kemerdekaan Negara yang ke-44"
KERANAMU MALAYSIA



SECANGKIR KOPI KELAT....

oleh: Abdul Jalil Othman,

Sewaktu menulis saya, sering berfikir tentang bagaimana mahasiswa kita berfikir. Adakah mereka berfikir bila tiba waktunya untuk berfikir? Berfikir hanya bila gawat? atau berfikir untuk tidak berfikir. Bagi saya usaha ini sudah cukup untuk menunjukkan mereka berusaha untuk berfikir walaupun masih belum berfikir. Namun, mari kita beranikan diri kita untuk berbicara dengan lebih jauh lagi tentang persoalan berfikir ini.

Berfikir sebenarnya penuh dengan kebarangkaliannya. Kita mungkin berfikir hanya satu perkara sahaja, tetapi akhirnya telah berjaya menemui seribu jalan penyelesaiannya untuk perkara-perkara yang langsung kita tidak pernah mendugainya. Kita mungkin berfikir seribu perkara, akan tetapi menemui berpuluhan ribu permasalahan pada peringkat kemudiannya.

Namun, apa sahaja yang kita akan fikirkan itu seharusnya ada dua jalan utama. Pertama, cara dan keduanya, ialah hasilnya.

Lalu saya teringat kata-kata ini, **Pertama**, *Thoughts come into our minds by avenues which are left open, and thoughts go out of our minds through avenues which we never voluntarily opened.* **Keduanya**, *Be able to command the thoughts of others, as well as your own-the more you know, the more you may both know and do. In the end, thought rules the world.* Kita temui ramai orang yang berfikir. Namun untuk mencari seorang pemikir agar jarang kita temui. Seorang pemikir bukan sahaja suka berfikir tetapi juga bijak berfikir. Mahasiswa, tentukan haluan anda dan siapa anda sebenarnya, seorang yang berfikir atau seorang pemikir. Seorang pemikir bukan sahaja punyai otak dan akan tetapi

juga buah fikirannya.

Menyebut tentang berfikir, lalu saya teringat kepada sebuah kisah. Kisah ini mengenai seorang pesakit mental dengan seorang doktor. Doktor bertanya kepada pesakit mental itu dengan nada yang lembut tentang apa yang pesakit itu sedang buat. Dengan nada yang keras, pesakit itu menjawab, "saya sedang berfikir!". Baguslah kalau begitu, fikir tuan doktor itu, sekurang-kurangnya adalah harapannya untuk pulih. "Tetapi apa yang sedang kamu fikirkan?" Tanya doktor itu lagi. Dengan nada yang agak marah pesakit itu menjawab, "Ah! soalan itu amat berat sekali untuk saya jawab. Takkanlah tuan doktor tak tahu apa yang saya fikirkan?" "Manalah saya tahu" kata doktor itu secara sepontan. "Saya sedang berfikir apa yang tuan doktor fikirkan! katanya selamba. "Jadi, apa yang sedang saya fikirkan?" tanya doktor itu lagi. Mendengar sahaja soalan itu, pesakit itu dengan bingkas bangun, lalu menjawab dengan selamba, "Manalah saya tahu".

KERANAMU MAHASISWA?

oleh: Mohd Fakhruлrazi Ibrahim

Prihatin terhadap perkembangan semasa negara merupakan tuntutan yang tidak sewajarnya diabaikan oleh mahasiswa. Sambutan ulang tahun kemerdekaan negara yang ke-44 merupakan peristiwa yang amat penting dalam lakaran sejarah pembangunan negara di samping kejohanan Sukan SEA XXI yang akan diadakan tidak lama lagi.

Dalam situasi ini, iklim perbualan kampus dari kalangan mahasiswa sepatutnya tidak terlepas daripada membicarakan persoalan ini. Malah lebih baik andainya semua ini boleh didiskusikan secara ilmiah dan terancang. Diskusi boleh diadakan sama ada secara formal maupun tidak formal. Adalah suatu yang memalukan andainya status mahasiswa yang dipandang tinggi oleh masyarakat dipaparkan dengan ketidakupayaan mahasiswa membicarakan persoalan utama seperti ini.

Jangkamasa 44 tahun kemerdekaan negara adalah tempoh yang cukup matang, sematang seorang manusia yang berumur seperti itu. Mahasiswa perlu sedar bahawa selama tempoh itu, negara telah membangun dengan baik

di samping curahan pengajaran yang banyak kepada warganya. Proses ini menjadikan pembelajaran antara generasi berlaku dan terus berlaku. Mahasiswa perlu menjadi kelompok utama generasi yang belajar dari semua itu. Persoalannya, apakah mahasiswa negara kita terbina kesedaran mereka mendalami semua ini?

Mahasiswa perlu bertanya dan terus bertanya agar mereka membangun bersama kesedaran yang nyata. Pun begitu, kita tidak nafikan bahawa mahasiswa adalah antara penyumbang utama kepada pembangunan negara. Namun tidak semua yang menyumbang kerana ada juga yang tersalah langkahnya. Untuk yang tersilap, kembalilah ke pangkal jalan. Negara kita jangan dicela, bangsa kita jangan dicerca, agama kita jangan dinoda. Maruah yang telah dibina sekian lama, bangunkan bersama.

Mahasiswa adalah generasi penerus dalam mengisi kemerdekaan negara. Mereka perlu berusaha mencatatkan sejarah sebagai wira bangsa dan bukannya

bersambung di muka surat 3

MAHASISWA PERLU TAHU

Surat Tawaran Pinjaman PTPTN

Seramai 1,212 pelajar telah diluluskan pinjaman PTPTN. Pelajar dikehendaki datang ke Auditorium Kompleks Perdanasiswa pada 4 & 5 September 2001 mengikut giliran abjad nama seperti dinyatakan di bawah ini.

Sila bawa salinan buku akaun BCBB (Cawangan UM). Borang Perjanjian yang telah diisi hendaklah diserahkan ke Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) sebelum 22 September 2001.

Tarikh	Waktu		Nama Mengikut Abjad
4.9.2001	9.15 pagi	- 10.45 pagi	↔ A - C
	10.45 pagi	- 12.15 tgh.	↔ D - I
	12.15 tgh.	- 2.45 ptg.	↔ J - K
	2.45 ptg.	- 4.15 ptg.	↔ L
	4.15 ptg	- 5.00 ptg	↔ M
4.9.2001	9.15 pagi	- 10.45 pagi	↔ N
	10.45 pagi	- 12.15 tgh.	↔ O - R
	12.15 tgh.	- 2.45 ptg.	↔ S
	2.45 ptg.	- 4.15 ptg.	↔ T, U, V
	4.15 ptg	- 5.00 ptg	↔ W, Y, Z

Sambungan dari muka surat 2

mencacatkan keindahan sejarah negara merdeka. Pengetahuan tentang erti dan nilai kemerdekaan perlulah merata sesuai status mereka sebagai mahasiswa. Mereka perlu dalami ilmu dan berusaha untuk belajar dari pengalaman sejarah kemerdekaan negara. Langkah ke arah itu akan menjadikan negara mempunyai warga yang benar-benar merdeka serta mempunyai semangat patriotisme yang tinggi. Elakkan diri menjadi mahasiswa yang hanya tahu mengeja perkataan 'merdeka' tetapi tidak mampu untuk mentafsirkannya dalam erti perlakuan yang sebenar.

Mahasiswa! Biarlah anda meninggalkan alam pengajian nanti sebagai pembuat jasa, penyubur ilmu yang membanggakan bangsa dan negara. Biar nanti anak generasi saban tahun berkata: "Negara kita maju dan merdeka "Keranamu Mahasiswa".



Wise Words

Courage do not follow where the path may lead... Go instead where there is no path and leave a trail.

■ Anon

Sumbangan:
Puan Rohani Ramly

BAHASA KITA BAHASA DUNIA

Benggunaan Kata Ganti Singkat "Ku"

Kata ganti diri dalam bahasa Melayu terbahagi kepada beberapa jenis. Antaranya termasuklah kata ganti bagi diri pertama, *iaitu aku, saya, patik, daku, hamba, beta*, dan beberapa lagi.

Kata ganti diri *ku* dikenal sebagai ganti singkat, iaitu bentuk singkatan daripada kata ganti diri *aku*. Kata ganti singkat *ku* disatukan dengan kata dasar yang ada selepasnya, atau disatukan dengan kata yang ada di depannya mengikut fungsinya. Aturan penulisan ini ditetapkan semenjak tahun 1972, iaitu apabila ejaan Rumi sekarang dirasmikan penggunaannya.

Contoh penulisan:

Bentuk Tunggal

aku makan	≠
aku katakan	≠
aku kasih	≠
rumah aku	≠
fikiran aku	≠
kebahagiaan aku	≠

Bentuk Singkat

kumakan
kukatakan
kukasih
rumahku
fikiranku
kebahagiaanku

Sumber: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)
oleh: Abdul Razak Halifa

B

Beliau merupakan anak kelahiran di Kampung Bukit Changgang Banting, Selangor Darul Ehsan. Anak kelima dari tujuh orang adik beradik ini berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Usuluddin (kepujian) dari Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Beliau telah berkhidmat di HEP genap 2 tahun pada 2 Ogos 2001 yang lalu sebagai Penolong Pendaftar di Seksyen Pembangunan dan Perhubungan Pelajar. Pengalaman beliau sebagai pimpinan mahasiswa banyak membantu beliau menjalankan tugasnya di Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan beliau juga merupakan Penyelia di Kolej Kediaman Kesembilan, Universiti Malaya



S. Ramlee Shamsuddin

Harapan: Kepada seluruh mahasiswa Universiti Malaya, hendaklah bersyukur dengan pelbagai nikmat yang diperoleh, khususnya peluang menuntut ilmu di Universiti Malaya. Bertindaklah sebagai 'partner in nation building' (rakan dalam pembangunan negara) kerana andalah pewaris kepimpinan negara.

Kepada warga HEP, 'bersatu kita teguh, bercerai kita roboh'. Bersamalah kita layari tanggungjawab ini dengan dedikasi dan kesungguhan untuk mencapai destinasi kecemerlangan dan kejayaan.

Untuk warga kampus: "Sebaik-baik manusia itu adalah mereka yang lebih memberi manfaat kepada manusia lainnya".

Pemimpin Persatuan Pelajar

Presiden Kolej Kediaman Tun Ahmad Zaidi

Saudara **Mohd. Hasdi Bin Mohamed**, telah diamanahkan sebagai Presiden Kolej Kediaman Tun Ahmad Zaidi bagi sesi 2001/2002, merupakan pelajar Tahun Tiga, Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith Akademi Pengajian Islam. Beliau dilahirkan pada 24 Disember 1977, merupakan anak kelahiran Pahang Darul Makmur.



Mohd. Hasdi
Mohamed

Sebelum menjadi Presiden Kolej Kediaman Tun Ahmad Zaidi, beliau telah dipertanggungjawabkan sebagai Timbalan Presiden Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith Akademi Pengajian Islam, Timbalan Presiden Majlis Mahasiswa Anak-anak Pahang (MAMPAN) 2000/2001, Presiden Persatuan Mahasiswa Pahang sesi 2000/2001 dan kini sebagai Ketua Pengarah Operasi Khidmat Masyarakat PMUM (OPKIM) 2001.

Sebagai seorang presiden, beliau berharap agar semua mahasiswa khususnya penghuni kolej kediaman dapat menjadi mahasiswa yang mempunyai kepimpinan, keterampilan diri dan pembangunan sahsiah yang tinggi serta mencapai kecemerlangan dalam akademik maupun ko-kurikulum.

Dairi HEP

30 Ogos 2001

■ Bahagian Hal Ehwal Pelajar akan menghantar sekumpulan pelajar untuk menyertai peraduan membaca puisi berbagai kaum peringkat Institusi Pengajian Tinggi (Awam dan swasta) di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Peserta yang terlibat ialah

1. Salwani Abu Bakar
2. Jimmy Anak Peter Landak
3. Indar @ Indra a/p Samungam

1 – 5 September 2001

■ Delegasi Universiti Malaya yang terdiri daripada pensyarah, pegawai dan mahasiswa akan mengadakan program lawatan Titian Muhibbah UM – Medan, Indonesia.

10 September 2001

■ Pertemuan Y. Bhg. Dato' Timbalan Naib Canselor (HEP) bersama Persatuan Puspita Universiti Malaya bertempat di Dewan Perdana 2, Kompleks Perdanasiswa, jam 8.00 malam. Mahasiswa dijemput hadir.

Makluman

Sebarang penulisan membina dan iklan-iklan yang ingin dimuatkan di dalam Bicara HEP boleh dikemukakan kepada:

Bahagian Hal Ehwal Pelajar
Blok E, Kompleks Perdanasiswa
Universiti Malaya.

Untuk perhatian:
Encik Mohd Fakhrulrazi atau
Encik Abdul Razak Halifa

Tel: 79673563/3291 Faks: 79568611

• • Redaksi • •

Penasihat

Y. Bhg. Dato' Prof. Dr. Hashim Yaacob
Timbalan Naib Canselor (HEP)

Pengerak/Jawatankuasa

Puan Rohani Ramly
Encik Mohd Fakhrulrazi Ibrahim
Encik Abdul Razak Halifa
Encik Azim Aziz
Encik Mohd Na'aim Muhd Noh